

22/12/1998

Malaysia mohon pinjaman RM19 bilion

Wan Sabariah Shikh Ali

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia mengemukakan permohonan pinjaman berjumlah AS\$5 bilion (RM19 bilion) menerusi Inisiatif Miyazawa, iaitu pakej kewangan Kerajaan Jepun untuk membantu negara Asia yang dilanda krisis ekonomi.

Jumlah itu, jika diluluskan sepenuhnya oleh Kerajaan Jepun, mampu membiayai keseluruhan defisit belanjawan negara tahun depan yang dianggarkan berjumlah RM16 bilion.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed, berkata bantuan menerusi Inisiatif Miyazawa dan pinjaman lain daripada Kerajaan Jepun akan digunakan untuk membiayai program merangsang pertumbuhan ekonomi domestik.

Setakat ini, Malaysia sudah memperolehi pinjaman AS\$300 juta (RM1.140 bilion) daripada Bank Dunia dan AS\$25 juta (RM95 juta) daripada Bank Pembangunan Islam (IDB) bagi pembinaan enam hospital di seluruh negara.

Hari ini, Malaysia menandatangani perjanjian pinjaman berjangka dari Sumitomo Bank Ltd berjumlah 74 bilion yen (kira-kira RM2.2 bilion). Pinjaman itu, yang diraih daripada terbitan bon euro yen, dijamin oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Jepun (Miti) pada kadar faedah 3.44 peratus.

Selain pinjaman komersil berjaminan kerajaan itu, Malaysia turut menerima pinjaman berkadar rendah dari Kerajaan Jepun menerusi agensi Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA) sebanyak RM3.8 bilion dan pinjaman Exim Bank of Japan berjumlah RM1.9 bilion.

Menurut Mustapa, dana hasil terbitan bon yang disalurkan menerusi Sumitomo Bank dalam bentuk pinjaman berjangka itu adalah satu-satunya usaha Malaysia untuk meraih modal daripada pasaran antarabangsa tahun ini. Terbitan bon itu dibuat dengan meminjam penarafan kredit Jepun dan ia diberi penarafan Aaa oleh Moody's Investor Services.

Mengenai sama ada Malaysia akan menggunakan struktur yang sama untuk meraih dana bagi kegunaan Pengurusan Danaharta Nasional Bhd dan Danamodal Nasional Bhd, beliau berkata perkara itu belum difikirkan.

Bagaimanapun, katanya, kedua-dua perbadanan itu setakat ini meraih modal dari pasaran domestik terutama menerusi terbitan kertas sekuriti kerajaan (MGS).

"Bagi Inisiatif Miyazawa, kita sedang berunding dengan Kerajaan Jepun, kita harap bantuan ini dapat diputuskan segera.

"Malaysia menyandarkan harapan yang tinggi kepada pakej ini," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian itu di Perbendaharaan, hari ini.

Sebahagian besar daripada bantuan kewangan itu dijangka digunakan untuk membiayai projek infrastruktur termasuk projek memanjangkan landasan kereta api berkembar Seremban ke Ipoh, pemulihan projek monorel dan kemudahan bekalan air.

Menjawab soalan mengapa Malaysia memutuskan untuk tidak mendapatkan bantuan Singapura untuk meraih modal, Mustapa berkata:

"Buat masa ini kita mempunyai cukup dana...Untuk membiayai defisit tahun ini RM9.6 bilion kita ada cukup wang, kita ada lebih sedikit dan dengan wang yang datang ini (dari Jepun), keperluan untuk menjana dana lain menjadi tidak begitu mendesak".

Jumaat lalu, selepas mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, di Hanoi, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia tidak lagi memerlukan bantuan republik itu untuk menjana

AS\$4 bilion.

Sementara itu, dalam ucapannya pada majlis hari ini, Mustapa berkata, Malaysia mempunyai reputasi sebagai peminjam yang baik dan berkeupayaan membayar hutang walaupun menerima penarafan rendah daripada agensi penarafan asing.

"Keupayaan menjelaskan hutang luar dengan lebih awal selama ini menjadi bukti mengenai ekonomi Malaysia terutama sektor luarannya," katanya.

Menurutnya, dengan belanjawan yang dianggar mencatat defisit RM9.6 bilion tahun ini dan RM16.2 bilion tahun depan, kerajaan akan menggerakkan sumber ke arah pemulihan.

Katanya, walaupun sumber domestik terutama menerusi MGS tetap penting, sumber luaran juga perlu untuk mencukupkan pembiayaan.

(END)